

KESAN RAWATAN HABA YANG BERBEZA TERHADAP NILAI  
PEMAKANAN CENDAWAN LIAR, *Volvariella volvacea*

KAREN BINTI KALIANON

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA MUDA SAINS PERTANIAN DENGAN KEPUJIAN

PROGRAM PENGETAHUAN DAN KEMAMPUAN  
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2013

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: KESAN RAWATAN HABA YANG BERBEZA TERHADAP NILAI PEMAKANAN CENDAWAN LIAR, VOLVARIELLA VOLVACEAE

IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS PERTANIAN DENGAN KEPUJIAN

SAYA: KAREN BINTI KALIANON SESI PENGAJIAN: 2009 - 2013  
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \* (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

<input type="checkbox"/>	SULIT	(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)
<input type="checkbox"/>	TERHAD	(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana Penyelidikan dijalankan)
<input checked="" type="checkbox"/>	TIDAK TERHAD	

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Disahkan Oleh:

NORAZLYNNE MOHD. JOHAN @ JACKLYNE

PUSTAKAWAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap: KG. BATU APAR,  
P/S 172  
89908 TENOM,  
SABAH.

(NAMA PENYELIA dan oop)

Tarikh: 24 JANUARI 2013

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan: - \* Potong yang tidak berkenaan.

\*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak yang berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



## **PENGAKUAN**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Saya juga mengakui bahawa disertasi ini tidak pernah atau sedang dihantar untuk perolehi ijazah dari universiti ini atau mana universiti yang lain.



---

Karen Binti Kalianon

BR09110042

24 Januari 2013

**DIPERAKUKAN OLEH**

1. Prof. Madya Dr. Markus Atong  
PENYELIA



---

**PROF. MADYA DR. MARKUS ATONG**  
Pensyarah  
Sekolah Pertanian Lestari  
Universiti Malaysia Sabah

2. En. Sim Kheng Yuen  
PENYELIA BERSAMA



---

**SIM KHENG YUEN**  
PENSYARAH/PENASIHAT AKADEMIK  
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

3. Dr. Connie Fay Komilus  
PEMERIKSA 1



---

**DR CONNIE FAY KOMILUS**  
SENIOR LECTURER  
SCHOOL OF SUSTAINABLE AGRICULTURE  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

4. En. Clament Chin Fui Seung  
PEMERIKSA 2



---

**CLAMENT CHIN FUI SEUNG**  
Lecturer  
School Of Sustainable Agriculture  
Universiti Malaysia Sabah

5. Dr. Sitti Raehanah binti Muhamad Shaleh  
DEKAN SEKOLAH PERTANIAN LESTARI



---

**DR. SITI RAEHANAH MUHAMAD SHALEH**  
DEKAN  
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI  
UMS KAMPUS SANDAKAN



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan ucapan syukur dan terima kasih kepada Tuhan Yang Maha Agung kerana dengan limpah berkat-Nya serta pemberian kesihatan yang baik sepanjang masa kajian sehingga saya mampu menyiapkan projek ini dengan sempurna. Tanpa berkat, kekuatan serta anugerah dari-Nya maka mustahil saya dapat menyiapkan projek ini dengan cemerlang. Terima kasih atas ayat berikut yang sentiasa memberi saya dorongan, semangat, kekuatan serta petunjuk yang sangat bermakna.

*"Percayalah kepada Tuhan dengan segenap hatimu, dan janganlah bersandar kepada pengertianmu sendiri. Akuilah Dia dalam segala lakumu, maka Ia akan meluruskan jalanmu. Janganlah engkau menganggap dirimu sendiri bijak, takutlah akan Tuhan dan jauhilah kejahatan" Amsal 3:5-7.*

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia, Prof. Madya Dr. Markus Atong dan penyelia bersama, Encik Sim Kheng Yuen atas tunjuk ajar, bimbingan, dorongan serta semangat yang telah diberikan sepanjang saya menjalankan projek tahun akhir ini. Setinggi penghargaan juga saya ingin berikan kepada semua pembantu makmal SPL, terutamanya Encik Panjiman Saidin sebagai Pegawai Makmal atas usaha, kerjasama serta bantuan yang dihulurkan demi menjayakan projek ini.

Ribuan terima kasih juga saya ingin ucapkan kepada keluarga terutama ibu saya, (Pn. Kumagit Sarudin), juga ayah saya atas doa, semangat, sokongan dan dorongan padu yang telah diberikan tidak putus-putus selama saya menjalankan kajian ini dan adik-beradik khasnya Kelvin Kalianon yang telah memberikan bantuan, dorongan serta semangat yang diperlukan. Penghargaan khas juga ditujukan bagi kakitangan Ladang Sg. Sapi Sandakan atas kerjasama dan bantuan yang telah diberikan. Tidak lupa juga rakan-rakan yang disayangi khasnya Vella Fung, Siti Norhayati, Siti Hawa, Hannah James, Karen Yiow, Valerie Dilol, Midya Simon, serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung atas pertolongan, dorongan, sokongan dan semangat yang diberikan sepanjang perlaksanaan projek tahun akhir ini.

Kehadiran anda semua sangat bermakna kepada saya. Hanya Tuhan Yang Maha Kuasa dapat membala jasa anda semua. Saya berdoa agar anda sekalian sentiasa dilimpahi dengan berkat dan kasih karunia dari Yang Maha Esa.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan rawatan haba yang berbeza ke atas nilai pemakanan cendawan liar jenis boleh makan, *Volvariella volvacea* serta mengetahui rawatan haba yang terbaik bagi menjamin kualiti nilai pemakanan yang maksima. Sampel cendawan liar jenis boleh makan dipetik segar dari kawasan pedalaman yang berdekatan dengan Ladang Kelapa Sawit Sg. Sapi, Sandakan. Dalam kajian ini, kesemua sampel (segar dan dengan rawatan haba pada 40°C, 50°C dan 60°C) telah menjalani analisis proksimat seperti penentuan kandungan kelembapan, abu, serat kasar, lemak, protein kasar serta karbohidrat. Sampel segar dianalisis terus bagi catatan untuk komposisi pemakanan cendawan segar. Komposisi pemakanan telah dikaji untuk kandungan kadar kelembapan, abu, lemak, serat kasar, protein serta karbohidrat. Keputusan bagi nilai pemakanan cendawan segar ialah kandungan kelembapan (85.28%), abu (1.06%), lemak (0.77%), serat (3.77%), protein (13.88%) dan karbohidrat (80.52%). Selepas menerima rawatan haba untuk tiga suhu yang berbeza, cendawan tersebut juga dianalisis bagi mengetahui nilai pemakanannya. Nilai yang dicatat ialah 55.42%, 10.86% dan 8.3% (kandungan kelembapan), 5.33%, 10.05% dan 10.14% (abu), 5.3%, 1.65%, dan 1.56% (lemak), 21.78%, 20.22% dan 6.77% (serat), 12.75%, 38.4% dan 33.35% (protein) serta 76.62%, 49.90% dan 54.95% (karbohidrat) masing-masing keputusan bagi suhu 40, 50 dan 60°C. Analisis statistik telah dijalankan menggunakan perisian SPSS versi 18, dengan One-way ANOVA pada aras  $p<0.05$  bagi mengetahui sama ada haba memberi kesan yang signifikan kepada komposisi makanan atau tidak. Keputusan analisis menunjukkan bahawa haba memberikan kesan kepada komposisi makanan pada aras  $p<0.05$  bagi setiap tahap suhu. Secara keseluruhan, nilai bagi kandungan kelembapan, lemak, serat dan karbohidrat menurun apabila dirawat dengan haba kecuali abu dan protein. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa rawatan haba yang terbaik bagi menjamin nilai pemakanan cendawan adalah pada suhu 50°C memandangkan kandungan protein dan karbohidrat yang tinggi telah dicatat. Selain itu, kandungan tenaga serta jumlah kalori cendawan yang dirawat pada suhu ini adalah rendah iaitu 1562.15 kj dan 368.05 kcal dan sesuai untuk pemakanan yang sihat.

## **EFFECT OF DIFFERENT HEAT TREATMENT ON THE NUTRITIONAL COMPOSITION OF WILD EDIBLE MUSHROOM, VOLVARIELLA VOLVACEAE**

### **ABSTRACT**

This study was conducted to investigate the effect of different heat treatments on the nutritional value of wild edible mushroom, Volvariella volvacea and recognize the best heat treatment in preserving the nutritional value of the wild edible mushroom. The fresh wild mushroom was obtained from the rural area near the Oil Palm Sg. Sapi Estate, Sandakan. In this study, all samples (fresh and treated with 40°C, 50°C, 60°C) underwent proximate analysis in order to determine their moisture, crude fibre, fat, protein and carbohydrate content. The fresh sample was analyzed. The result of fresh sample for moisture content is 85.28%, ash (1.06%), fat (0.77%), fiber (3.77%), protein (13.88%) and carbohydrate (80.52%). Three parts of the divided sample were treated with different temperature to 40°C, 50°C and 60°C in oven for 24 hours. Each treatment has replicate of three. After that, the treated samples were analyzed for their proximate composition of crude protein, crude fibre, crude oil and carbohydrate. Results for treated sample at temperature of 40, 50 and 60°C were: 55.42, 10.86 and 8.3% (moisture content), 5.33%, 10.62% and 10.14% (ash), 5.3%, 1.1%, and 2.25% (fat), 21.78%, 20.22% and 6.77% (fiber), 12.75%, 38.4% and 33.35% (protein) and 76.62%, 49.89%, 54.26% (carbohydrate). All results were analyzed using SPSS version 18, with One-way ANOVA at level  $p<0.05$ . ANOVA showed that there is significant difference among treatment. Heat do affect nutritional composition of the mushroom as the reading for moisture content, fat, fiber and carbohydrate is decreased when heat is increased except for ash and protein. The current study shows that the mushroom treated at 50°C preserve most nutritional values as they were high in protein and carbohydrate content. The total energy and calorie content of mushroom treated at this temperature were low, (1541.63 kj and 363.06 kcal) which enable them to serve as a healthy meal.

## ISI KANDUNGAN

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
PENGAKUAN	ii
VERIFIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SIMBOL, UNIT DAN SINGKATAN	xii
SENARAI RUMUS	xiii
 <b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Justifikasi	5
1.4 Objektif	5
1.5 Hipotesis	5
 <b>BAB 2 TINJAUAN LITERATUR</b>	6
2.1 Makrofungi	6
2.1.1 Nilai pasaran dan kepentingan cendawan	8
2.1.2 Cendawan jenis boleh makan dan jenis beracun	9
2.2 Kitar Pertumbuhan Cendawan	11
2.2.1 Keperluan-keperluan pertumbuhan bagi cendawan	13
2.2.2 Penanaman cendawan	14
2.2.3 Komposisi nutrien utama cendawan	15
2.3 Kepentingan Pemakanan Cendawan	17
2.4 Penggunaan Cendawan	18
2.4.1 Sebagai makanan untuk manusia	18
2.4.2 Peranan dalam alam sekitar	19
2.4.3 Sebagai tonik dan nutraceutikal	21
 <b>BAB 3 METODOLOGI</b>	24
3.1 Persampelan Cendawan Liar Jenis Boleh Makan	24
3.2 Pengenalpastian Cendawan	24
3.3 Penyediaan Sampel	26
3.4 Analisis Proksimat Cendawan Liar Jenis Boleh Makan ( <i>Proximate Analysis</i> )	27
3.4.1 Penentuan kandungan kelembapan ( <i>moisture content</i> )	27
3.4.2 Penentuan kandungan protein kasar ( <i>crude protein content</i> )	27
3.4.3 Kandungan abu ( <i>ash content</i> )	27
3.4.4 Kadar lemak kasar ( <i>crude fat content</i> )	28
3.4.5 Kandungan serat kasar ( <i>crude fibre content</i> )	28
3.4.6 Penentuan kandungan karbohidrat ( <i>carbohydrate content</i> )	28
	29

3.4.7	Penentuan jumlah kandungan tenaga cendawan ( <i>total energy intake</i> )	29
3.5	Analisis Statistik	29
<b>BAB 4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	30
4.1	Perbandingan Kandungan Proksimat Antara Cendawan Liar Jenis Boleh Makan dengan Cendawan yang Ditanam Secara Komersil	30
4.2	Kesan Rawatan Haba Berbeza Terhadap Kandungan Proksimat Cendawan Liar Jenis Boleh Makan, <i>Volvariella volvacea</i>	33
4.2.1	Sampel Segar (tanpa rawatan haba)	33
4.2.2	Cendawan jenis liar yang dikenakan rawatan pada 40°C selama 24 jam	36
4.2.3	Cendawan jenis liar yang dikenakan rawatan pada suhu 50°C selama 24 jam	38
4.2.4	Sampel cendawan Jenis <i>Volvariella volvacea</i> , yang dirawat pada suhu 60°C selama 24 jam	40
4.3	Perubahan Nilai Pemakanan Cendawan Liar Pada Suhu yang Berbeza	42
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	46
<b>RUJUKAN</b>		47
<b>LAMPIRAN</b>		56

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka surat</b>
2.2	Peringkat pertumbuhan cendawan	11
4.1	Perbandingan nilai pemakanan antara cendawan jenis liar boleh makan dan cendawan jenis tanaman ( <i>cultivated mushroom</i> )	31
4.2	Perubahan nilai pemakanan cendawan liar jenis boleh makan, <i>Volvariella volvacea</i> yang didedahkan pada suhu berbeza	43

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
2.1	Lakaran cendawan beserta istilah mikologi	7
2.2	Peringkat pertumbuhan <i>Volvariella volvaceae</i> yang berlainan	12
2.3	Longgokan tandan buah kelapa sawit kosong (TBKSK)	20
2.4	Pertumbuhan Cendawan <i>Volvariella volvaceae</i>	20
3.2	Bahagian atas topi, bawah topi, peringkat butang dan peringkat matang cendawan <i>Volvariella volvaceae</i>	25
4.1	Nilai proksimat bagi cendawan liar jenis boleh makan segar, <i>Volvariella volvaceae</i>	33
4.2	Nilai proksimat bagi cendawan liar jenis boleh makan, <i>Volvariella volvaceae</i> yang dirawat pada suhu 40°C selama 24 jam	37
4.3	Nilai proksimat bagi cendawan liar jenis boleh makan, <i>Volvariella volvaceae</i> , yang dirawat pada suhu 50°C selama 24 jam	39
4.4	Nilai proksimat bagi cendawan liar jenis boleh makan, <i>Volvariella volvaceae</i> , yang dirawat pada suhu 60°C selama 24 jam	40
B1	Habitat cendawan liar jenis boleh makan, <i>Volvariella volvaceae</i>	57
B2	Cendawan <i>Volvariella volvaceae</i> yang matang	57
B3	Sampel dianalisis untuk kandungan serat menggunakan <i>FibreBag system</i>	58
B4	Sampel dianalisis untuk kandungan lemak menggunakan <i>Sohxlet extraction</i>	58
B5	Cendawan <i>Schizophyllum Commune</i> (kular pokok getah)	59
B6	Cendawan <i>Pleurotus</i> sp. (kulat putih keras)	59
B7	Cendawan <i>Hygrocybe</i> sp. (kulat tiu)	59
B8	Cendawan <i>Galiella rufa</i> (kulat mata kerbau)	59
B9	Cendawan <i>Auricularia auricular-judea</i> (kulat telinga)	60

B10	Cendawan <i>Tramets</i> sp. (kulat pokok)	60
B11	Cendawan <i>Lentinus omphalodes</i> (kulat putih)	60
B12	Cendawan <i>Lentinus ciliatus</i> (kulat bulu)	60

## **SENARAI SIMBOL, UNIT DAN SINGKATAN**

%	Peratus
<	Kurang daripada atau lebih kecil
x	Darab
ANOVA	Analysis of variance
BK	Berat kering
°C	Darjah selsius
g	Gram
kcal	Kilokalori
kg	Kilogram
kj	Kilojoule
km	Kilometer
ml	Milliliter
PVC	Poly Vynl Chloride
SPL	Sekolah Pertanian Lestari
TBKSK	Tandan buah kelapa sawit kosong

## SENARAI RUMUS

<b>Rumus</b>		<b>Muka Surat</b>
3.1	Kelembapan (%) = [Berat basah sampel (g) – berat kering sampel (g) / berat basah sampel (g)] × 100	27
3.2	Kandungan abu (%) = [Berat abu dalam sampel (g) / berat sampel (g)] × 100	27
3.3	Lemak kasar (%) = [Berat lemak dalam sampel (g) / berat sampel (g)] × 100	28
3.4	Kadar serat (%) = [Berat sampel selepas pembakaran (g) / berat sampel (g)] × 100	29
3.5	% karbohidrat = 100-% (abu + protein + lemak kasar)	29
3.6	Tenaga, kcal = 4(kandungan protein,g + kandungan karbohidrat,g) + 9(kandungan lemak kasar,g)	29
3.7	Tenaga, kj= 17(kandungan protein,g + kandungan karbohidrat,g) + 37(kandungan lemak kasar,g)	29

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Terdapat lebih daripada 2000 spesies cendawan yang wujud secara semula jadi di alam kita, namun cuma terdapat kurang daripada 25 jenis spesies sahaja yang boleh dimakan. Di antaranya ialah spesies-spesies seperti *Agaricus bisporus*, *Pleurotus spp.*, *Lentinula edodes*, *Volvariella volvacea* dan sebagainya yang telah ditanam secara komersil bagi memenuhi permintaan pengguna yang kian meningkat (Barros *et al.*, 2007). Cendawan merupakan kulat yang dikelaskan dalam alam *Mycetea* dan ia berbeza daripada kelas tumbuhan dan haiwan dari segi pengambilan nutrien. Kandungan klorofil dalam cendawan adalah sangat rendah sehingga ia terpaksa mendapatkan zat makanan daripada tanah atau kayu reput. Benih mikroskopik cendawan lebih dikenali sebagai spora, manakala bahagian yang lain dipanggil miselium. Morfologi cendawan yang tipikal adalah terdiri daripada batang (*stalk*), topi kulat (*fruit-body*) serta garisan tipis spora yang menghasilkan struktur yang dikenali sebagai insang (*gill*) di bawah bahagian topi kulat. Namun begitu, terdapat juga cendawan yang tidak mempunyai bentuk yang sempurna seperti kekurangan topi, batang, insang, atau spora (Alan dan Arleen, 2006).

Penggunaan cendawan sebagai makanan mahupun makanan tambahan (*food supplements*) telah lama diamalkan oleh manusia. Kini, cendawan lebih digemari oleh orang ramai bukan sahaja atas sebab rasanya yang enak dan unik, tetapi faedah kesihatan yang menakjubkan. Cendawan jenis boleh makan (*edible mushrooms*) mengandungi kandungan protein, serat, vitamin serta mineral yang tinggi (Cheung, 1996; Ouzouni *et al.*, 2009b; Hung dan Nhi, 2012). Secara keseluruhan, jasad buah (*fruit-body*) sesuatu cendawan adalah kaya dengan karbohidrat (56.8%), protein

(25.0%), lemak (5.7%) dan abu (12.5%) berdasarkan berat keringnya (Jonathan *et al.*, 2006). Di samping itu, cendawan juga terbukti mengandungi protein yang berkualiti tinggi, asid lemak tak tepu, serat, mineral dan juga mengandungi vitamin-vitamin penting yang diperlukan dalam gizi harian kita (Barros *et al.*, 2007). Oleh sebab itu, cendawan sering dijadikan sebagai makanan alternatif bagi pengguna yang sedang mengikuti program pengawalan diet. Sesetengah cendawan terutamanya *Agaricus bisporus*, *Hericium erinaceus*, *Flammulina velutipes*, *Lentinus edodes* dan *Pleurotus ostreatus* mengandungi kompaun-kompaun fenolik (*phenolics compounds*) aktif yang berperanan penting sebagai antioksidan (*antioxidant*) dalam pengawetan makanan atau memperlambatkan proses penuaan manusia (Kim *et al.*, 2001; Lee *et al.*, 2003).

Cendawan saprofit memerlukan persekitaran yang spesifik untuk pengambilan nutrien bagi tujuan pertumbuhan. Setiap cendawan mempunyai keperluan yang berbeza untuk tumbuh dan berkembang menjadi buah jasad. Sesetengah cendawan tumbuh pada sisa kayu segar seperti *Lentinula*, *Pleurotus*, *Auricularia*, *Pholiota*, *Tremella*, *Agrocybe* dan *Ganoderma*. Spesies lain contohnya *Volvariella*, *Stropharia* dan *Coprinus* tumbuh pada bahan yang mempunyai serat tinggi iaitu bahan-bahan kompos seperti kayu atau batang reput. Sehubungan dengan itu, cendawan dalam golongan spesies *Agaricus* tumbuh dengan baik pada bahan kompos atau sisa buangan binatang. Sesetengah cendawan juga boleh tumbuh atas tanah dan humus contohnya spesies *Lepiota*, *Leptista*, *Morchella* dan *Gyromitra* (Chang dan Miles, 2004). Selain itu, cendawan yang tumbuh pada kayu reput dikelaskan sebagai kulat putih atau coklat bergantung pada jenis dan cara penggunaan kandungan selulosa pada kayu. Kulat putih memanfaatkan selulosa, hemiselulosa, dan komponen lignin pada kayu reput dengan bantuan enzim ligninolotik dan selulosa manakala kulat coklat pula hanya memanfaatkan selulosa pada kayu reput dan meninggalkan hemiselulosa serta bahagian lignin yang mana memberikan ia warna kayu tersebut. Menurut Cowan (2001), cendawan spesies *Pleurotus* ialah contoh kulat putih yang ditanam secara komersil.

Justeru itu, kawasan yang mempunyai kadar kelembapan yang tinggi, contohnya hutan hujan tropika, akan merangsang pertumbuhan cendawan sepanjang tahun. Namun demikian, sesetengah cendawan hanya boleh didapati pada masa tertentu seperti waktu luruh, panas dan musim bunga. Pada musim sejuk, agak sedikit cendawan yang bertumbuh menjadi buah jasad walaupun untuk jenis perennial

(tumbuh sepanjang tahun). Akan tetapi, pada tempat yang kering, cendawan hanya tumbuh selepas musim hujan. Pembentukan jasad berbuah cendawan sangat bergantung pada pola hujan di mana sepanjang musim kemarau ia sangat sukar didapati. Secara langsung, suhu juga mempengaruhi pertumbuhan cendawan. Menurut Zoberi (1985), cendawan biasanya didapati pada kawasan yang mempunyai suhu sekitar 20-40°C dan ia tumbuh dengan pesat pada sisa tani.

Sehubungan dengan itu, cara pengambilan cendawan adalah berbeza apabila diambil kira tentang tujuan utama ia dikumpul. Jika cendawan dikutip untuk tujuan menjadi makanan, prosedurnya tidaklah begitu sulit malah ia adalah sesuatu yang mudah dan menyeronokkan. Alat yang diperlukan hanyalah sebuah bakul sebagai tempat pengumpulan cendawan makanan. Bagaimanapun, pengenalpastian cendawan adalah perlu jika cendawan tersebut adalah liar. Bagi tujuan kajian, pendokumentasian tentang spesimen tersebut adalah wajib. Antara maklumat yang perlu direkod termasuklah tempat pertumbuhan, gambar cendawan, suhu persekitaran, intensiti cahaya, cetakan spora, tulisan deskripsi cendawan dan seterusnya menyimpan spesimen untuk pengenalpastian lebih lanjut dalam makmal. Alat yang diperlukan adalah lebih kompleks seperti beg persampelan, buku catatan, kamera, pisau, dan sebagainya. Kelengkapan ini perlu disediakan demi menjaga struktur cendawan daripada rosak. Hal ini kerana, spesimen harus kekal dalam struktur asal dan segar agar prosedur pengenalpastian dapat dijalankan dengan lebih tepat.

Di Malaysia, cendawan liar jenis boleh makan (*wild edible mushroom*) telah lama digunakan oleh penduduk pedalaman sebagai makanan, ubat-ubatan mahupun bagi tujuan keagamaan (Chang dan Lee, 2004). Sabah merupakan negeri yang kaya dengan sumber alam semulajadi dan biodiversitinya yang begitu berpotensi atas sebab kedudukan lokasinya yang strategik. Kandungan kelembapan yang tinggi serta cuaca yang sesuai menyebabkan banyak jenis cendawan liar tumbuh di sekitar hutan hujan tropika yang tertua di rantau ini (Chong *et al.*, 2007). Cendawan liar tersebut biasanya dipetik oleh penduduk tempatan atau orang asli (*indigenous people*) yang tinggal di pinggir hutan. Bagi cendawan liar jenis *Volvariella volvacea* yang dijumpai di Sandakan ini, ia tumbuh dalam ladang kelapa sawit yang berdekatan dengan kawasan hutan dan hidup atas tandan buah kelapa sawit kosong (TBKS) yang telah dibuang. Dengan demikian, cendawan ini pada umumnya dijumpai dan dipetik oleh pekerja ladang atau penduduk disekitar kawasan tersebut. Menurut mereka, cendawan ini digelar sebagai

'kulat kelapa sawit' dan ia mula diambil sebagai makanan sejak penemuannya. Sebahagian cendawan liar jenis boleh makan yang dipetik oleh mereka akan digunakan dalam masakan harian dan yang selebihnya akan dijual di pasar pagi atau tamu yang berdekatan memandangkan permintaan yang begitu tinggi.

Proses termal (*thermal processing*) biasanya dilakukan dalam pemprosesan makanan bagi meningkatkan jangka hayat penyimpanan sesuatu makanan. Bagaimanapun, kaedah rawatan haba yang tinggi turut membawa beberapa kesan buruk terhadap makanan memandangkan sebahagian nutrien semulajadi akan hilang secara signifikan semasa proses pemanasan berlaku. Ini kerana sesetengah sebatian bioaktif (*bioactive compounds*) yang wujud dalam makanan atau buah-buahan adalah tidak stabil terhadap suhu tinggi, termasuklah antioksidan semula jadi, vitamin-vitamin, sebatian-sebatian fenolik serta enzim. Oleh demikian, makanan ataupun hasil-hasil pertanian yang diproses dengan rawatan haba tinggi selalunya dikaitkan nilai pemakanan atau kesihatan yang lebih rendah berbandingkan makanan yang segar. Namun begitu, terdapat beberapa kajian yang menunjukkan bahawa sesetengah makanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan yang dirawat dengan haba mempunyai aktiviti biologi yang tinggi akibat perubahan-perubahan tindak balas kimia sepanjang proses termal (Kim *et al.*, 2004; Cho *et al.*, 2006).

Sehingga kini, maklumat mengenai kesan rawatan haba terhadap nilai pemakanan cendawan liar jenis makan, *Volvariella volvacea* amatlah terhad. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menentukan nilai pemakanan cendawan liar jenis boleh makan serta mengkaji kesan rawatan haba berbeza ke atas nilai pemakanan cendawan liar jenis boleh makan yang digunakan sepanjang kajian ini.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Cendawan spesies *Volvariella volvacea* yang digunakan dalam kajian ini merupakan cendawan liar jenis boleh makan (*wild edible mushroom*) yang digemari oleh penduduk tempatan dan ia biasanya dijumpai di sekitar ladang kepala sawit atau pinggir hutan. Memandangkan cendawan ini memilih tandan buah kelapa sawit kosong, (TBKSK) sebagai substrak pertumbuhan, hanya mereka yang tinggal dalam atau berdekatan ladang sahaja yang selalu menjumpainya. Dalam pada itu, cendawan ini juga dijual di pasar dan amat laris kerana permintaan dan penggunaan yang tinggi oleh penduduk

Sandakan. Cendawan ini amat cepat layu dan mempunyai jangka hayat yang singkat selepas dipetik dari TBKSK. Ini merugikan penjual cendawan mahupun pengguna memandangkan sesetengah zat makanan cendawan yang hilang akibat kurangnya pengendalian lepas tuai (*post harvest*) yang sesuai terhadapnya. Namun demikian, masalah di atas boleh diatasi sekiranya rawatan selepas penuaian cendawan (*treatment after post harvest*) dilakukan bagi menjamin kualiti cendawan. Salah satu cara yang biasa digunakan untuk memanjangkan tempoh penyimpanan sesuatu hasil pertanian atau makanan adalah menerusi rawatan haba yang secukupnya.

### **1.3 Justifikasi**

Kajian ini mengkaji kesan rawatan haba yang sesuai terhadap nilai pemakanan cendawan liar jenis boleh makan, *Volvariella volvacea*. Di samping itu, kajian ini turut memberikan maklumat yang penting bagi menentukan keberkesanan rawatan haba yang sesuai bagi mengekalkan kandungan nutrisinya dan mampu memanjangkan jangka masa penyimpanan cendawan spesies ini.

### **1.4 Objektif kajian**

1. Untuk membandingkan nilai pemakanan beberapa spesies cendawan liar jenis boleh makan dengan cendawan tanaman
2. Untuk menentukan kesan rawatan haba yang berbeza ke atas nilai pemakanan cendawan liar jenis boleh makan, *Volvariella volvacea*

### **1.5 Hipotesis**

H<sub>0</sub>: Tiada kesan ketara yang ditunjukkan oleh rawatan yang berbeza ke atas nilai pemakanan cendawan

H<sub>a</sub>: Terdapat kesan ketara yang ditunjukkan oleh rawatan yang berbeza ke atas nilai pemakanan cendawan.

## BAB 2


### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.1 Makrofungi

Cendawan makrofungi dengan saiz buah jasad yang tersendiri biasanya tergolong dalam kelas *Basidiomycetes* dan juga *Ascomycetes*. Kulat adalah organisma yang sangat diperlukan di dunia kerana ia memainkan peranan penting dalam mengimbangi ekosistem (Mueller dan Bill, 2004). Organisma ini termasuklah makrofungi ataupun biasanya dikenali sebagai cendawan. Justeru itu, cendawan bukan sahaja memainkan peranan penting dalam kehidupan harian manusia sebagai sumber makanan malahan ia berfungsi sebagai nutraceuticals (*nutraceuticals*) yang dapat menawan beberapa jenis penyakit kronik seperti penyakit darah tinggi, barah serta masalah imunologi (Cowan, 2001). Makrofungi mempunyai buah jasad yang cukup besar untuk dilihat oleh mata kasar dan biasanya dijumpai di kawasan hutan atau permukaan kayu yang reput. Ia juga memerlukan kelembapan yang tinggi bagi tujuan tumbesaran. Namun begitu, pertumbuhan cendawan yang pesat bagi setiap kawasan adalah berbeza disebabkan oleh iklim yang berlainan (Arora, 1991). Di Sandakan, kulat *Volvariella volvacea* ini hanya didapati selepas musim hujan diikuti dengan musim panas yang singkat kerana pada masa ini ia tumbuh dengan pesat. Perbezaan utama antara tumbuh-tumbuhan lain dengan kulat adalah ia kekurangan upaya untuk menjalankan fotosintesis (Chang dan Miles, 2004). Oleh itu, kulat bergantung dengan pengambilan tenaga ataupun sumber nutrien daripada bahan-bahan organik, sama ada daripada sumber-sumber yang bukan hidup atau hidup contohnya kayu reput, tumbuhan hidup, sisa tani atau tanah.

Dinding sel kulat adalah berbeza daripada dinding sel tumbuhan kerana komponen utama bagi tumbuhan adalah selulosa dan lignin. Dalam dinding sel kulat,

glukan dan kitin merupakan polisakarida yang utama manakala selulosa cuma ditemui pada dinding kulat yang tergolong dalam kelas *Oomycetes*. Sama seperti kulat yang lain, cendawan dikelaskan sebagai saprophytes kerana tidak mengandungi klorofil yang membolehkannya mensintesiskan makanan. Oleh itu, ia terpaksa memperolehi makanannya menerusi sumber luar. Jasad cendawan akan menyimpan nutrien serta sebatian penting sehingga pada keadaan yang sesuai, ia mula berkembang dan menghasilkan cendawan menerusi pembentukan jasad berbuah (*fruit-body*). Terminologi asas yang digunakan untuk menggambarkan jasad berbuah cendawan ditunjukkan dalam Rajah 2.1. Badan hidup kulat adalah miselium yang terdiri daripada rangkaian filamen kecil yang dikenali sebagai hifa. Saiz miselium boleh sama dengan seekor semut, atau ia boleh menjalar sehingga mampu menutup tanah seluas satu ekar. Sementara itu, hifa bercabang boleh menambah lebih setengah batu (1 km) panjang jumlah untuk miselium setiap hari. Dalam keadaan liar, miselium tidak mudah dikesan sehingga ia tumbuh untuk membentuk buah cendawan yang mempunyai pelbagai jenis bentuk.



Rajah 2.1 Lakaran cendawan beserta istilah mikologi.

Sumber: Kalac, 2009.

### **2.1.1 Nilai pasaran dan kepentingan cendawan**

Cendawan telah mendapat perhatian dari pengguna sejak turun-temurun. Secara amnya, ia dimakan bagi tujuan penambah baik perisa sesuatu makanan. Namun, penggunaan cendawan jenis ditanam terhad kepada golongan masyarakat yang mewah pada zaman dahulu (Moss dan Mitchel, 1994). Sebagai contoh, di ibu negara Mexico, cendawan yang boleh dimakan dianggap mahal, dan hanya mampu dimakan oleh golongan mewah dan berada di restoran tertentu (Leana, 1993). Sementara itu, penggunaan cendawan adalah dianggap sumber protein dan nutrisi yang paling murah bagi sesetengah golongan masyarakat yang mempunyai tahap ekonomi yang rendah, terutamanya di Asia Tenggara, Jepun ataupun kawasan Mesoamerika (Mary dan Ignacio, 1997). Ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan cendawan sebagai sumber makanan telah menjadi satu budaya di kalangan penduduk merata-rata dunia.

Kini, pengeluaran cendawan dunia telah meningkat secara mendadak yang mana jumlah pengeluarannya adalah sebanyak 6.34 juta tan metrik pada 1997, dan nilai ini telah meningkat sebanyak lima kali ganda menjadi 12.25 juta tan metrik pada 2002 (Chang dan Buswell, 2008). Dalam pada itu, pasaran cendawan telah bernilai melebihi USD\$45 billion pada 1995 dan China merupakan pengeluar terbesar dunia.

